

Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Menerusi Teknik Penjanaan Idea Pengajaran Mengarang dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat di Daerah Gombak

Wan Nazira Wan Jaafar¹; Marzni Mohamed Mokhtar²;
Muhammad Zarif Hassan @ Zulkifli³

^{1,2,3}Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang Selangor, Malaysia

*Email: gs68664@student.upm.edu.my

ABSTRAK

Pengajaran mengarang karangan menuntut guru supaya membiasakan amalan pengajaran dan mengaplikasikan teknik penjanaan idea Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Pengkaji mendapati bahawa guru-guru kerap menggunakan aras penjanaan idea yang rendah sahaja semasa pengajaran mengarang karangan dan membiasakan murid menjana idea pemikiran rendah dalam pembelajaran. Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk meneroka proses pengaplikasian teknik penjanaan idea KBAT terhadap pengajaran mengarang dalam kalangan guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat di daerah Gombak. Hal ini demikian kerana teknik penjanaan idea KBAT penting bagi merangsang murid untuk berfikir dalam menganalisis sesuatu topik atau maklumat khususnya dalam proses mengarang karangan. Kajian ini akan menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif iaitu seramai dua orang peserta kajian yang dipilih dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Teknik pengumpulan data daripada kedua-dua orang guru ini akan dilaksanakan dengan menggunakan teknik temu bual secara mendalam, teknik pemerhatian dan penganalisan dokumen. Bagi mencapai objektif dalam kajian ini, terdapat dua soalan kajian yang akan ditangani oleh pengkaji dalam kajian ini berdasarkan objektif iaitu (i) Apakah pemahaman guru tentang pengaplikasian teknik penjanaan idea KBAT terhadap pengajaran mengarang karangan deksriptif dalam kalangan guru tingkatan empat di daerah Gombak? (ii) Bagaimanakah pelaksanaan tatacara pengaplikasian teknik penjanaan idea KBAT terhadap pengajaran mengarang karangan dalam kalangan guru tingkatan empat di daerah Gombak? Bagi menjawab kedua-dua soalan kajian ini, pengkaji akan menganalisis data secara manual bagi data hasil temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen.

Kata Kunci: Penerapan; Kemahiran Berfikir Aras Tinggi; Teknik Penjanaan Idea; Pengajaran Mengarang; Guru Bahasa Melayu; Daerah Gombak.

1.0 Pengenalan

Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang bermula pada tahun 2014 lagi seperti yang dihasratkan KPM dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pelaksanaan aspek kemahiran berfikir aras tinggi (Selanjutnya KBAT) amat penting dalam usaha merealisasikan budaya berfikir (Mohamad Nurul Azmi Mat Nor dan rakan-rakan, 2022). KBAT merupakan kesinambungan daripada aktiviti kemahiran berfikir secara kritis bagi melahirkan murid dan generasi yang bijak berfikir. Elemen KBAT yang terdapat dalam kurikulum bagi melahirkan murid yang menguasai kemahiran berfikir pada abad ke-21 adalah bertujuan untuk melatih murid untuk menyuarakan idea fikiran dan maklumat dengan yakin dan kritis secara lisan dan bertulis. Melalui aspek penjanaan idea KBAT, guru-guru perlu mendalami ilmu berkaitan cara-cara untuk menjana idea murid mereka dengan menggunakan elemen KBAT. Dalam pengajaran mengarang karangan khususnya guru perlu membiasakan amalan dan mengapikasi teknik penjanaan idea KBAT. Hal ini amat penting kerana pengajaran penulisan karangan memerlukan murid untuk menjana idea berdasarkan kehendak soalan dan sesuatu isu.

Kajian ini akan memberi fokus terhadap pengaplikasian teknik penjanaan idea KBAT dalam pengajaran mengarang kalangan guru Tingkatan Empat di Daerah Gombak. Mod karangan yang dikaji hanya bertumpu kepada karangan perbincangan sahaja, malah skop kajian juga akan meneliti kepada pengaplikasian teknik penjanaan idea yang digunakan oleh peserta kajian semasa PdPc penulisan karangan perbincangan. Kajian

ini akan menggunakan kaedah kualitatif yang akan memberi fokus kepada gambaran keseluruhan proses pengaplikasian teknik penjanaaan idea KBAT yang dilakukan oleh guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat di lapangan kajian. Lokasi kajian yang dipilih melibatkan sekolah menengah yang terdapat di Daerah Gombak. Pengkaji memilih dua orang guru Bahasa Melayu sebagai peserta dalam kajian ini iaitu antaranya mengajar bahasa Melayu tingkatan empat yang perkhidmatannya melebihi lima tahun dan ke atas. Kedua-dua peserta kajian dalam kajian ini diberi nama Peserta Kajian (PK) bagi menjaga etika dan identiti sebenar guru.

Objektif kajian ini adalah :

- (i) Meneroka pemahaman guru tentang pengaplikasian teknik penjanaaan idea KBAT terhadap pengajaran mengarang karangan dalam kalangan guru Tingkatan Empat di Daerah Gombak.
- (ii) Mengenal pasti tatacara pengaplikasian teknik penjanaaan idea KBAT terhadap pengajaran mengarang karangan dalam kalangan guru Tingkatan Empat di Daerah Gombak.

Dalam konteks kajian ini, guru dikatakan jarang mengetengahkan murid untuk menjawab soalan kemahiran berfikir. Hal ini dikatakan demikian kerana, murid-murid di sekolah tidak bersedia untuk berfikir secara KBAT. Menurut kajian Siti Sarah Muhammad Raflee dan Lilia Halim (2021), salah satu isu terhadap pengaplikasian KBAT dalam PdPc adalah faktor ketidaksediaan murid dalam menggunakan kepelbagaian kemahiran berfikir dalam menyelesaikan sebarang permasalahan berkaitan pelajaran di dalam bilik darjah dan kebiasaannya murid akan meninggalkan segala persoalan yang melibatkan KBAT apabila mereka disoal dan diminta oleh guru untuk menyelesaikan soalan KBAT tersebut. Selain isu yang melibatkan kemahiran berfikir dalam kelas, isu guru dalam pengajaran penerapan KBAT juga dilihat sebagai satu masalah. Hal ini dikatakan demikian kerana, proses pengajaran kemahiran yang lebih kritis dan kreatif serta bersifat analitik sukar untuk guru tentukan secara khusus sesuatu kemahiran yang diajar di dalam kelas. Kemahiran-kemahiran ini dikatakan bertindan fungsinya semasa proses PdPc berlangsung di dalam kelas. Hal ini berlaku kerana kemahiran-kemahiran ini saling bertindanan fungsinya semasa PdPc berlangsung (Marzni Mohamed Mokhtar, 2018). Chew Fon Peng dan Zul Hazmi Hamad (2018), sebahagian guru apabila mengajar mengarang karangan dikenal pasti kebanyakannya masih tidak menyoal murid dalam bentuk penyoalan aras yang sesuai. Selain itu, sebahagian guru juga didapati hanya bergantung kepada buku teks dan menjawab soalan-soalan yang disediakan sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat segelintir murid agak pasif untuk mengulas pandangan apabila tiada soalan lanjut daripada guru mengenai isi karangan yang perlu mereka karang. Perkara seperti inilah yang akan membuat murid tidak sentiasa menjana idea dalam pembelajaran kerana mereka telah terbiasa dengan amalan seperti itu. Selain itu, guru juga dikatakan tidak menguasai dan tidak langsung menggunakan soalan aras tinggi dan hanya menggunakan soalan pada aras yang rendah sahaja. Hal ini akan menyebabkan murid-murid berasa tidak tercabar dari segi kemahiran berfikir mereka dan kurang memberi respon apabila ditanya serta penglibatan mereka akan menjadi pasif sewaktu proses PdPc di dalam bilik darjah.

Kajian Nik Rozialnida Nik Lah dan Sahlan Surat (2023), menjalankan kajian Meneroka Kefahaman Guru Mengenai KBAT dan Amalan Penyoalan Guru pada Tiga Fasa Pembelajaran mendapati bahawa pengetahuan KBAT para peserta adalah terbatas. Peserta kajian dalam kajian ini amat memerlukan maklumat dan kursus berkaitan KBAT bagi menambah pengetahuan dan kefahaman KBAT dalam usaha melaksanakan KBAT dalam pembelajaran di bilik darjah dengan sepenuhnya. Walaupun terdapat keterbatasan, mereka dapat mengaplikasikannya dalam pembelajaran. Kajian Avralinetine Epin dan Nurfaradilla Nasri (2021), dalam kajiannya telah menggunakan Modul Celik Karangan (MCK). Hasil kajian kualitatif dan kuantitatif ini mendapati modul yang digunakan dapat memberi peningkatan dalam proses penulisan karangan murid terutamanya dalam penulisan karangan fakta. Menurut kajian Mohd Zikri Iksan Mohamad Zabhi et.al (2019) yang melakukan kajian menggunakan peta pemikiran dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Seramai empat orang murid tingkatan tiga merupakan peserta kajian dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa berlaku dalam penulisan bahagian karangan dan ulasan murid dengan tercapainya peningkatan skor. Hal ini kerana penggunaan peta pemikiran daripada peta bulatan yang digunakan oleh guru dalam penghasilan karangan yang berkesan. Kajian berkaitan tatacara pengaplikasian teknik penyoalan KBAT dapat dilihat melalui kajian Chew Fong Peng dan Zahar Hamad (2018), memfokuskan tahap penguasaan murid dalam aspek KBAT dengan melihat perbezaan amalan penyoalan KBAT dengan latar belakang responden murid.

Hasil kajian mendapati tidak ada perbezaan yang signifikan antara amalan penyoalan KBAT guru dengan latar belakang responden murid.

2.0 Metodologi Kajian

Kajian ini adalah merupakan kajian kualitatif berbentuk pendekatan kajian kes. Menurut Othman Lebar (2023), kajian kualitatif dalam situasi yang sebenar merupakan penglibatan pengkaji sendiri di lapangan kajian. Teknik pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen digunakan dalam kajian ini sebagai alat untuk mengumpul data kajian. Dua orang peserta kajian telah dipilih dan ditemu bual dalam mendapatkan data yang diperlukan oleh pengkaji. Bagi kaedah pemerhatian pula, pengkaji melaksanakan pemerhatian bagi memerhati secara langsung untuk memenuhi objektif kajian yang juga bertindak sebagai data sokongan dalam kajian ini. Seterusnya, pengkaji juga mengumpulkan data kajian melalui analisis dokumen dalam kajian ini. Dokumen yang akan digunakan termasuklah bahan pengajaran guru seperti Rancangan Pengajaran Harian (RPH), Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) tingkatan 4-5 dan buku latihan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji hanya memilih dua orang peserta kajian sebagai sampel bagi mendapatkan data dalam menjawab kedua-dua objektif kajian Jadual 1 menunjukkan sampel kajian dalam kajian ini.

Jadual 1. Peserta Kajian

Guru	Umur	Jantina	Gred	Pendidikan	Pengalaman Mengajar Mata Pelajaran Bahasa Melayu	Tingkatan
PK01	50	Perempuan	DG52	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Melayu	25 Tahun	Tingkatan 4 dan 5
PK02	43	Perempuan	DG48	Ijazah Sarjana Muda Sastera/ Bahasa Melayu	21 Tahun	Tingkatan 4 dan 5

Prosedur pengumpulan data dalam kajian ini merangkumi kaedah pemerhatian, temu bual dan menganalisis dokumen. Proses menemu bual peserta kajian dilaksanakan dalam kajian ini bagi mendapatkan maklumat secara rinci mengikut garis panduan yang ditetapkan. Bagi memulakan sesi temu bual, sampel kajian ditanya berkaitan tajuk. Semasa sesi temu bual pengkaji tidak boleh memotong percakapan mereka dan pengkaji juga perlu berikan perhatian dan tidak mencatat terlalu banyak maklumat kerana dikhuatiri tercicir maklumat yang diberikan. Bagi proses pemerhatian pula, pengkaji akan dapat memerhati tingkah laku pengajaran sampel kajian di dalam bilik darjah dengan menggunakan teknik penjanaan idea KBAT. Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian berstruktur iaitu pengkaji memerhatikan responden dalam keadaan persekitaran yang terkawal seperti pengajaran guru di dalam bilik darjah. Senarai semak disediakan untuk membantu proses berjalan lancar. Melalui aktiviti pemerhatian ini, pengkaji menyediakan senarai semak berdasarkan kod-kod perlakuan sampel kajian yang akan dikaji. Seterusnya pengkaji menggunakan kaedah menganalisis dokumen dalam kajian ini. Dokumen yang dianalisis mewakili bahan bercetak seperti rancangan pengajaran guru, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 4 dan 5, buku teks bahasa Melayu tingkatan lima dan hasil kerja murid.

Bagi menjawab kedua-dua soalan kajian ini, pengkaji menganalisis data daripada hasil pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen secara manual. Terdapat tiga tahap dalam memproses data iaitu reduksi, koding dan membuat verifikasi. Proses reduksi merujuk kepada satu peringkat membuat pemilihan dengan memotong ayat atau maklumat yang tidak penting kepada soalan kajian. Menurut Meriam (2009) dalam Halimah Jamil (2019), proses koding adalah proses menganalisis tema-tema tertentu yang telah dibuat verifikasi daripada persoalan kajian. Peringkat terakhir adalah membuat verifikasi dengan meminta bantuan daripada rakan-rakan penyemak untuk pengesahan kod yang telah dijumpai. Jadual 2 merupakan kaedah menganalisis data mengikut persoalan dalam kajian ini.

Jadual 2: Kaedah Penganalisan Data

Persoalan kajian	Statistik
1. Apakah pemahaman guru tentang pengaplikasian teknik penjanaan idea KBAT terhadap pengajaran mengarang karangan?	Kaedah temu bual
2. Bagaimanakah tatacara pengaplikasian teknik penjanaan idea KBAT terhadap pengajaran mengarang karangan guru Bahasa Melayu?	Kaedah pemerhatian dan analisis dokumen

3.0 Dapatan Dan Perbincangan

Pengkaji membentangkan hasil yang diperolehi daripada data kajian yang dikumpulkan melalui data pemerhatian, data temu bual dan analisis dokumen. Dapatan ini adalah bagi menjawab kedua-dua objektif dan persoalan kajian iaitu pemahaman guru dan tatacara pelaksanaan menggunakan teknik penjanaan idea terhadap pengajaran mengarang karangan guru Bahasa Melayu.

3.1 Pemahaman Guru Menggunakan Teknik Penjanaan Idea

Bagi mencapai objektif pertama yang berkaitan dengan pemahaman guru menggunakan teknik penjanaan idea, pengkaji membentuk dua tema iaitu proses mengarang karangan bahagian isi dan matlamat teknik penjanaan idea dilaksanakan.

3.1.1 Proses Penulisan Karangan Bahagian Isi

Berdasarkan DSKP, pengajaran penulisan karangan memerlukan pelbagai teknik dan cara bagi menghasilkan penulisan yang baik. Berdasarkan temu bual, PK01 menyatakan bahawa teknik penulisan karangan bahagian isi sangat penting bagi memastikan penulisan murid mempunyai pertautan dan berkesinambungan. Menurut PK01, "...nak ajar karangan mesti kena ada teknik. Teknik ni penting untuk murid ikut supaya dia terbiasa dengan peraturan menulis karangan dan mereka selalu ingat ..."

Pengkaji bertanya lebih lanjut berkenaan '*peraturan menulis karangan*'. Beliau menerangkan bahawa karangan mempunyai peraturan dari ayat pendahuluan hingga ayat penutup. "*dari ayat pendahuluan sebenarnya ada teknik atau peraturannya, bahagian isi ada peraturannya dan bahagian penutup karangan mesti ada peraturannya yang murid perlu ikut dan guru kena ajar.*" Dalam hal ini menunjukkan sememangnya dalam penulisan karangan terdapat peraturan atau teknik untuk diikuti dan dipatuhi oleh murid-murid semasa menulis karangan. Kenyataan yang diberikan oleh PK01 disokong pula dengan PK02 dengan menyatakan bahawa penulisan karangan perlu diajar melalui pelbagai jenis teknik. Menurut PK02, "... saya menggunakan pelbagai teknik dalam penulisan karangan bahagian isi. Murid akan ikut dari ayat topik, ayat huraian seterusnya sampai ayat penegasan. Kadang-kadang dia ikut kadang dia akan *skip* salah satu ayat."

Bagi menjelaskan lagi kajian, pengkaji bertanya mengenai contoh-contoh teknik penjanaan idea penulisan karangan bahagian yang diajar oleh peserta kajian. Bagi PK01, beliau menyatakan bahawa terdapat banyak teknik yang terdapat dalam penulisan karangan bahagian isi dan beliau menggunakan teknik TOHUCOKEP. "*Saya ajar budak saya dengan teknik TOHUCOKEP dan dia orang kena patuh kalau tidak kena denda.*" Pengkaji bertanya berkenaan TOHUCOKEP dan PK01 mengulas "*TO bagi topik, HU bagi huraian, CO bagi contoh, KE bagi kesan dan P bagi penegasan.*" Kenyataan yang diberikan oleh PK02 pula,

(iii) “...banyak teknik yang saya guna ikut pada tahap murid. Kalau kelas atas saya guna IMBAKUP. Contohnya I untuk isi, M untuk mengapa, Ba untuk bagaimana, K untuk kesan ..kesan ni untuk menyokong isi, U untuk ungkapan menarik dan akhir sekali P untuk penegasan.. kalau tahap rendah pula saya biasa guna teknik isi tempat kosong dan salin ayat je.”

Penjelasan daripada PK01 dan PK02 jelas menunjukkan bahawa sememangnya mengarang sesebuah karangan memerlukan teknik yang betul dan mengikut tahap murid dan apabila ditanya tentang ATAHACAKAP PK01 menyatakan teknik yang sama tetapi perkataan yang berbeza sahaja. Merujuk PK01,

(iv) “Sebenarnya ATAHACAKAP ni sama je dia ambil kata awal bagi ayat tu saja kan. Tapi sebenarnya merujuk pada benda yang sama. Apabila saya ajar murid saya ATAHACAKAP, kaedah yang sama saja dengan TOHUCOKEP. Dua-dua kaedah ni bagus senang murid ingat.”

Penjelasan daripada PK02 juga menyatakan pendapat yang sama sahaja iaitu “Teknik sama cuma nama sahaja yang berbeza. Menurut beliau lagi *“teknik ni mudah murid ingat dan hafal sama juga TOHUCOKEP tu.”* Oleh itu jelaskan bahawa kedua-dua peserta memahami apa yang dikatakan dengan teknik ATAHACAKAP ini.

3.1.2 Matlamat Teknik Penjanaan Idea Dilaksanakan

Melalui hasil temu bual dengan kedua-dua peserta kajian, hasil kajian telah menunjukkan bahawa mereka mengetahui dan memahami matlamat pelaksanaan teknik penjanaan idea iaitu bermatlamat untuk mendapatkan idea untuk mengarang dan mendapatkan hasil karangan yang mempunyai pertautan dan koheren mengikut isi yang diberikan. Pengkaji bertanyakan sebab guru menggunakan teknik penjanaan idea ini semasa mengajar penulisan karangan khususnya karangan bahagian isi. PK01 berpendapat bahawa teknik ini mudah untuk murid ikut dan mereka boleh tulis dengan baik ikut langkah yang guru ajarkan. Menurut PK0, “Saya suka ajar murid saya teknik penjanaan idea ini masa tulis karangan bahagian isi. Saya perlu ajar teknik ni supaya murid saya tak ketandusan idea semasa menulis karangan. Kalau ada teknik ni dia orang akan ikut *step by step* yang kita ajar tu.”

Pengkaji menanyakan lebih lanjut berkenaan ikut *step by step*, PK02 menjelaskan bahawa “*murid saya ikut je teknik tu. Kadang-kadang ada yang lebih contohnya ayat huraian ada dua atau tiga dalam satu perenggan tu.*” Bagi PK02 pula beliau menyatakan bahawa, “Saya rasa saya perlu ajar teknik penjanaan idea sebab kalau tak ajar murid akan melencong dan takde arah tujuan masa tulis karangan tu. Pernah saya biarkan je dia orang tulis karangan tanpa teknik ni.. memang ada je yang tak ikut teknik dan akhirnya karangan jadi tak cantik.”

Apabila ditanya berkenaan masalah dalam penerapan teknik ini dalam pengajaran, rata-rata kedua-dua peserta menyatakan perkara yang hampir sama. Hal ini dapat dilihat daripada PK01 iaitu beliau menyatakan bahawa murid tahap atas tiada masalah manakala murid dari tahap rendah bermasalah untuk mengikuti teknik yang diajarkan ini. Menurut PK01, “...takde masalah pun dalam menerapkan teknik ni kepada mereka. Mereka juga selesa dah dengan teknik ni. Mereka pun dah hafal dan takde masalah tapi kalau kelas hujung kena ajar dan suruh dia ikut dan tulis guna ayat yang ringkas. Yang penting ayat tu gramatis.”

Pengkaji bertanya lebih lanjut sebab PK01 menyatakan tentang “*Mereka juga selesa dah dengan teknik ni*”. PK01 menyatakan bahawa murid-murid beliau sebelum teknik ATAHACAKAP banyak yang menulis sendiri tetapi teknik ini merupakan satu pegangan untuk mereka menulis. Bagi PK02 pula beliau menyatakan bahawa, “Murid saya tiada masalah dengan teknik ni. Dia orang senang untuk diajar. Tapi tulah kelas atas ok la.. kalau kelas bawah dia orang tak ikut sangat. Dia main tulis je yang cikgu suruh. Tu pun kena ajar satu-satu dah. Tapi takde la seteruk sebelum ajar teknik ni. Nampak ada peningkatan sikit la dia orang tu.”

Secara rumusannya, keseluruhan dapatan kajian yang diperoleh dalam konteks kajian ini bagi menjawab objektif pertama telah membuktikan bahawa kedua-dua peserta memahami penerapan teknik penjanaan idea dalam penulisan karangan.

3.2 Tatacara Pelaksanaan Menggunakan Teknik Penjanaan Idea Terhadap Pengajaran Mengarang Karangan

Pengkaji seterusnya telah membuat pemerhatian dan menganalisis dokumen pengajaran PK01 dan PK02. PK01 dalam kajian ini menyatakan bahawa dengan menjalankan pelbagai aktiviti soal jawab, sumbang saran dan main peranan dapat menggalakkan proses penerapan teknik penjanaan idea ini. Semasa melaksanakan PdPc, beliau berpendapat bahawa buku teks KSSM menjadi sumber utama untuk proses pengajaran. Kebanyakan aktiviti yang dijalankan mengikut tema dalam buku teks ***“buku teks tu dah banyak bahan dah dan mudah untuk cikgu dan murid rujuk.”*** Manakala PK02 pula memberitahu bahawa buku teks dan DSKP sentiasa dirujuk dan pengajaran dilaksanakan berdasarkan tema yang telah ditetapkan.

Sepanjang pemerhatian pengkaji terhadap PK01 semasa melaksanakan PdPc di dalam kelas, pengkaji sering memerhatikan PK01 dalam mengemukakan hujah berkenaan tajuk berdasarkan teknik penjanaan idea. PK01 memberi penerangan yang menyeluruh bagi setiap ayat yang diberikan dan teknik sumbang saran idea digunakan dalam proses ini. Seterusnya pengkaji mendapati proses PdPc berjalan dengan proses pembelajaran secara berkumpulan. Pengkaji melihat PK01 dan PK02 mengaplikasikan teknik penjanaan idea ATAHACAKAP secara berkumpulan. Bagi PK01, murid secara berkumpulan dibahagikan mengikut ayat yang diberikan iaitu seorang murid mewakili AT, AH, AC, AK dan AP. Proses pembelajaran berakhir dengan pembentangan kumpulan dan peneguhan perbincangan daripada PK01.

Aktiviti pengajaran daripada PK02 pula, beliau melaksanakan proses perbincangan berkumpulan dengan menulis karangan di atas kertas warna yang kemudiannya ditampal di papan putih mengikut jenis ayat ATAHACAKAP. PK02 terus memberikan penerangan kepada murid berkenaan ayat yang salah supaya murid dapat membuat pembetulan di situ juga. Murid kemudiannya menyalin di dalam buku karangan.

4.0 Perbincangan

Secara keseluruhannya, berdasarkan analisis data objektif kajian (i), pemahaman guru menggunakan teknik penjanaan idea terhadap pengajaran mengarang karangan. Pengkaji telah membincangkan berdasarkan dua tema yang dibangunkan iaitu proses penulisan karangan bahagian isi dan matlamat teknik penjanaan idea dilaksanakan. Berdasarkan tema proses penulisan karangan bahagian isi, kedua-dua orang peserta kajian memahami teknik penjanaan idea dan kedua-duanya berjaya menerapkan dalam pengajaran penulisan karangan di dalam kelas. Bagi tema kedua pula pendapat yang sama menunjukkan iaitu matlamat teknik penjanaan idea yang menunjukkan kedua-dua mereka iaitu PK01 dan PK02 menggunakan teknik ini adalah untuk memudahkan penulisan karangan murid-murid mereka agar tidak ketandusan idea dan karangan menjadi berkesan dan lebih terarah.

Seterusnya bagi objektif (ii) yang merujuk kepada data pemerhatian pula, kedua-dua peserta kajian telah membuktikan bahawa mereka memahami teknik dan tatacara untuk menerapkan teknik penjanaan idea ini dalam proses PdPc pengajaran mengarang karangan. Pengkaji mendapati peserta PK01 dan PK02 menerapkan teknik ini dengan melaksanakan aktiviti berkumpulan dan berhasil di penghujung pengajaran dengan memberi peneguhan aktiviti dan proses penulisan karangan ditulis di rumah sebagai latihan kerja rumah. Secara keseluruhan berdasarkan pemerhatian pengkaji, kedua-dua peserta kajian telah mencapai objektif pengajaran berdasarkan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) yang telah dirancang dengan teliti dan murid-murid juga memberi kerjasama yang baik semasa PdPc dijalankan. Dokumen seperti latihan kerja murid juga telah disemak oleh pengkaji dan pengkaji mendapati terdapat sedikit perubahan sebelum dan selepas teknik penjanaan idea yang diterapkan dalam pengajaran penulisan karangan.

5.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, objektif kajian dalam kajian ini adalah bagi meneroka pemahaman menggunakan teknik penjaan idea terhadap pengajaran mengarang karangan guru Bahasa Melayu. Guru-guru bukan sahaja dapat menggunakan teknik penjaan idea, malah mereka juga dapat mengenal pasti cara untuk menerapkannya dalam pengajaran penulisan karangan. Justeru, melalui ilmu ini guru-guru juga dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran bukan sahaja penulisan karangan, malah untuk aspek pengajaran yang lain juga seperti rumusan dan pemahaman Komponen Sastera (KOMSAS). Terdapat beberapa kajian terdahulu berkait kaedah penulisan karangan sedikit sebanyak memberi input positif ke atas kajian melalui perbincangan daripada kajian terdahulu. Walaupun kajian lepas telah menjelaskan pelbagai isu penulisan karangan di dalam bilik darjah namun, masih terdapat ruang untuk diteruskan kajian agar ilmu ini terus ditingkatkan dalam dunia pendidikan pada hari ini. Kesimpulannya, pengkaji dalam kajian ini telah menjelaskan pelaksanaan kajian secara kualitatif. Melalui proses pengumpulan data, pengkaji mematuhi setiap prosedur yang telah ditetapkan dalam melaksanakan sesuatu kajian. Hal ini supaya hasil data yang dikutip diperoleh mengikut objektif kajian yang digariskan. Selain itu, peserta kajian, prosedur pengumpulan data dan teknik menganalisis data juga telah diuraikan dalam kajian ini.

Rujukan

- Avralinetine Epin dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2021). *Modul Celik Karangan: Meningkatkan Kemahiran dan Minat Murid Tahun Enam dalam Penulisan Karangan Jenis Fakta*. Jurnal Dunia Pendidikan -ISSN 2682-826X. Vol. Bil. 3 (Jun 2021): 130-143.
- Chew, F. P. & Zul H. H. (2018). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa melayu melalui teknik penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ; Malay Language Education (Mylej)*, 8 (1).1-12.
- Halimah Jamil (2019). *Pemahaman guru terhadap pentaksiran lisan bilik darjah berdasarkan standard kemahiran lisan Bahasa Melayu menengah rendah*. Universiti Putra Malaysia : Serdang
- Marzni Mohamed Mokhtar. (2018). *Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Penulisan Karangan Argumentatif*. Fakulti Pendidikan : Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Nurul Azmi Mat Nor, Nurzatulshima Kamarudin, Umi Kalthom Abd. Manaf & Mohd Hazwan Mohd Puad. (2022). *Perspektif Dalam Pelaksanaan Kurikulum : Menguasai KBAT Menjiwai Kemanusiaan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris : Tanjung Malim.
- Nik Rozialnida Nik Lah & Shahlan Surat. (2023). Meneroka kefahaman guru mengenai kbat dan amalan penyoalan guru pada tiga fasa pembelajaran. *Jurnal Dunia Pendidikan*, [S.l.], v. 5, n. 2, 154-165.
- Mohd Zikri Iksan Mohamad Zabhi, Shamsudin Othman, Abdul Rasid Jamian dan Azhar Md Sabil. (2019). *Penggunaan Peta Pemikiran dalam Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ, Vol. 9, Bil. 2 (Nov. 2019): 14-26
- Othman Lebar. (2023). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris:Tanjung Malim
- Siti Sarah Muhammad Raflee & Lilia Halim. (2021). Keberkesanan pemikiran kritis dalam meningkatkan kemahiran dalam penyelesaian masalah KBAT. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia* (Volume 11, No. 1, 60 to 76)